

Naib Canselor UniMAP Dipilih Tokoh Maal Hijrah Negeri Perlis

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, telah dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 2013 peringkat negeri Perlis dan hadiah wang tunai RM10,000, sijil penghargaan, plak dan hadiah iringan. Selain Datuk Dr. Kamarudin, mantan hakim Mahkamah Rayuan Negeri, Datuk Ahmad Jusoh, turut diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 2013.

Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, DYMM Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid telah berkenan berangkat hadir menyampaikan anugerah kepada kedua-dua tokoh tersebut dalam satu majlis yang berlangsung di Masjid As-Syarroni, Kampung Behor Lateh.

Datuk Dr. Kamarudin menzahirkan rasa bersyukur dengan pengiktirafan yang diberikan itu meskipun bukan merupakan anak kelahiran negeri Perlis. Beliau bagaimanapun percaya, pemilihan tersebut dinilai berdasarkan 'dakwah' yang dilaksanakan dalam memartabatkan UniMAP di persada pengajian tinggi negara.

